



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
DAN PERBANKAN ISLAM
KOD KURSUS : DPI 2143
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (25 Markah)	BAHAGIAN B (75 Markah)
------------------------	------------------------
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Tawaran menjadi berkesan apabila
 - A. Surat tawaran diposkan dan di dalam perjalanan kepada penerima
 - B. Surat penerimaan tawaran diposkan
 - C. Penerima tawaran mengetahui akan tawaran tersebut
 - D. Penerima tawaran menerima tawaran tersebut
2. Dogol bersetuju untuk menjual 10 ekor ikan yang berada di lautan kepada Ali.
Apakah kesan kontrak tersebut?
 - A. Sah
 - B. Batal
 - C. Boleh batal
 - D. Boleh dikuatkuasakan
3. Penerimaan tawaran dinyatakan di dalam
 - A. Seksyen 2(a) Akta Kontrak 1950
 - B. Seksyen 2(b) Akta Kontrak 1950
 - C. Seksyen 2(c) Akta Kontrak 1950
 - D. Seksyen 2(d) Akta Kontrak 1950
4. Yang manakah daripada berikut adalah **TAWARAN?**
 - A. Peragaan barang di kedai runcit
 - B. Lelongan barang kemas di Habib Jewel
 - C. Iklan di akhbar bagi jawatan kosong
 - D. Iklan ganjaran sebanyak RM500 untuk pemulangan seutas rantai emas

5. Ishar menawarkan motornya kepada Izat dengan harga RM 10,000. Izat bersetuju membeli tetapi dengan harga RM 9,999. Izat dianggap membuat
 - A. Penerimaan yang sah
 - B. Pelawaan tawaran
 - C. Tawaran silang
 - D. Tawaran balas
6. Kes *KEPONG PROSPECTING LTD v A.E.SCHMIDT* menggunakan prinsip balasan lampau yang sama dengan kes
 - A. *HYDE v WRENCH*
 - B. *K. MURUGESU v NADARAJAH*
 - C. *LAMPLEIGH v BRAITWAIT*
 - D. *CARLILL v CARBOLIC SMOKE BALL CO*
7. Berikut adalah jenis-jenis balasan KECUALI
 - A. Balasan tersempurna
 - B. Balasan eksekutori
 - C. Balasan lampau
 - D. Balasan masa depan
8. Balasan yang sah
 - A. Mempunyai nilai dari segi undang-undang
 - B. Tidak semestinya harus sah dari segi undang-undang
 - C. Boleh datang dari apa-apa bentuk
 - D. Perlu tidak memadai dari segi undang-undang
9. Di bawah perjanjian perniagaan, andaian wujud niat untuk mewujudkan hubungan dari segi undang-undang, dapat disangkal dengan membawa bukti yang secukupnya. Kes yang membuktikan prinsip undang-undang ini ialah
 - A. *Low Kar Yit v Mohd Isa*
 - B. *Leha Bt Jusoh v Awang Johari b Hashim*
 - C. *Tan Hee Juan v The Boon Keat*
 - D. *Hyde v Wrench*

10. Meran berjanji untuk memberikan RM 1,000 kepada isteri beliau jika memasak masakan jepun untuknya. Janji Meran tidak dapat dikuatkuasakan kerana
- Meran tidak mempunyai wang
 - Perjanjian ini adalah perjanjian komersial
 - Isteri itu dipaksa
 - Tiada niat dari Meran itu untuk mengikat dari segi undang-undang
11. Ketika dalam keadaan mabuk, Mei Hua telah menjual rumahnya kepada Bavani dengan harga RM50, 000. Kontrak ini tidak dapat dikuatkuasakan kerana
- Balasan tidak mencukupi
 - Tidak ada niat di antara mereka
 - Mei Hua tidak berakal sempurna
 - Penerimaan Bavani tidak sah
12. Kontrak boleh batal adalah kontrak yang
- Sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang atas opsyen satu pihak atau lebih daripada pihak-pihak perjanjian itu, tetapi tidak berdasarkan atas opsyen pihak atau pihak yang lain.
 - Satu perjanjian yang sah tetapi tidak dapat dikuatkuasakan dengan tindakan di sisi undang-undang kerana gagal memenuhi keperluan atau formaliti yang diperlukan oleh sesuatu statut / undang-undang.
 - Perjanjian yang dibuat tanpa memenuhi ciri-ciri / kehendak sesuatu kontrak.
 - Perjanjian yang dibuat dengan memenuhi ciri-ciri / kehendak sesuatu kontrak.
13. Suatu perjanjian untuk melakukan suatu perbuatan yang sendirinya adalah mustahil adalah batal. Prinsip undang-undang ini dapat dilihat di dalam kes
- Taylor v Caldwell*
 - Bolton v Mahadeva*
 - Kerpa Singh v Bariam Singh*
 - Fraser v Everett*

14. Injunksi adalah remedi di dalam undang-undang Kontrak yang dinyatakan di dalam

- A. Akta Kontrak 1950
- B. Akta Injunksi 1940
- C. Akta Relief Spesifik 1950
- D. Akta Syarikat 1965

15. Menurut undang-undang kontrak di Malaysia, terdapat beberapa jenis remedi iaitu

- i. Membatalkan kontrak
 - ii. Injunksi
 - iii. Quantum Merit
 - iv. Nemo Dat
-
- A. i, ii dan iii
 - B. i, iii dan iv
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

16. Berikut adalah ciri-ciri suatu cek **KECUALI**

- A. Ia adalah suatu arahan bertulis yang bersyarat
- B. Ia ditandatangan oleh penyuruh bayar
- C. Ia dikeluarkan oleh pihak bank
- D. Ia dikeluarkan dengan sokongan orang yang ditentukan (penerima) atau atas arahannya atau dengan sokongan seorang pembawa.

17. Pihak terhadap mana perintah untuk membayar itu adalah dibuat ialah

- A. Penyuruh bayar
- B. Pesuruh bayar
- C. Penerima bayaran
- D. Pihak ketiga

18. Tujuan pemalangan ialah

- A. Mengurangkan fraud
- B. Membuat cek lebih bernilai
- C. Menjadikan cek itu menjadi sah
- D. Untuk menunjukkan kepada pihak bank, cek itu cek yang istimewa

19. Alice, seorang kerani telah menandatangani suatu cek bagi pihak syarikatnya tanpa mendapat kuasa untuk melakukannya. Alice telah melakukan

- A. Tandatangan tanpa kebenaran
- B. Tandatangan palsu
- C. Tandatangan silang
- D. Tandatangan balas

20. Suratcara boleh niaga melalui statut adalah seperti berikut **KECUALI**

- A. Bil pertukaran
- B. Cek
- C. Nota janji hutang
- D. Nota bank

21. Pilih kenyataan yang **BENAR**

- A. Suatu bil adalah tidak sah dengan sebab cek itu tiada tarikh walaupun pihak bank tidak menolak cek itu.
- B. Undang-undang tidak membenarkan pemegang cek tidak bertarikh meletakkan tarikh sebenar cek itu dikeluarkan
- C. Cek lampau adalah cek yang terdapat tarikh yang akan datang iaitu tarikh yang kemudian dari tarikh cek itu dikeluarkan
- D. Suatu jangka masa yang panjang dan tidak munasabah tidak semestinya bergantung atas fakta setiap kes

21. Berikut adalah jenis-jenis pemalangan cek **KECUALI**

- A. Pemalangan khas
- B. Pemalangan 'Tidak Boleh Niaga'
- C. Pemalangan 'Akaun Penerima Sahaja'
- D. Pemalangan Silang

22. Autoriti seorang pengurus bank untuk membuat pembayaran boleh ditamatkan dalam keadaan berikut

- i. Adanya perintah membatalkan pembayaran
 - ii. Adanya notis kematian pelanggan
 - iii. Adanya notis pelanggan hilang akal
 - iv. Caruman pelanggan tidak mencukupi
- A. i dan ii
 - B. i, ii, dan iv
 - C. i sahaja
 - D. i, ii, iii dan iv

23. Tujuan pemalangan 'X' adalah untuk mengurangkan peluang berlakunya fraud kerana perkataan ini adalah sebagai notis kepada pihak bank pemungut bahawa hanya akaun penerima wang sahaja yang akan dikreditkan.

Pemalangan 'X' adalah

- A. Pemalangan Am
- B. Pemalangan Khas
- C. Pemalangan Akuan Penerima Sahaja
- D. Pemalangan ringkas

SULIT

24. Penerimaan bagi sesuatu bil boleh dibuat dalam bentuk

- i. Penerimaan bersyarat
- ii. Penerimaan am
- iii. Penerimaan tidak bersyarat
- iv. Penerimaan lampau

A. i dan ii

B. i dan iii

C. i, ii dan iv

D. i, ii, iii dan iv

25. "...nama pihak bank ditulis di antara garis selari itu atau ditulis melintang pada permukaan cek tanpa garis..."

Pemalangan yang di maksudkan ialah

- A. Pemalangan Am
- B. Pemalangan Khas
- C. Pemalangan Akuan Penerima Sahaja
- D. Pemalangan ringkas

[25 MARKAH]

SULIT

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- (a) Huraikan **TIGA (3)** pengecualian kaedah am yang menyatakan bahawa kontrak yang dimasuki oleh kanak-kanak bawah umur adalah batal.

(9 markah)

- (b) *Pak Man ingin menghadiahkan sebidang tanah kepada anaknya Amira, sempena hari lahirnya yang ke 21 tahun. Memandangkan Amira tidak membuat sebarang pembayaran kepada ayahnya, Pak Man berasa bimbang jika pindahmilik tanah tersebut menjadi batal kerana tiada balasan seperti yang termaktub di bawah Akta Kontrak 1950.*

Nasihatkan Pak Man.

(16 markah)

SOALAN 2

Huraikan secara ringkas, pemulihan-pemulihan kontrak di bawah

- (a) Ganti rugi am dan ganti rugi khusus. (15markah)
(b) Pelaksanaan spesifik. (10 markah)

SOALAN 3

Fiza mahu memasuki kontrak sewabeli dengan Kudukut Finance untuk membeli kereta Honda Vios. Walau bagaimanapun, Fiza tidak begitu tahu tentang prosedur-prosedur yang terlibat.

Nasihatkan Fiza.

(25 markah)

SOALAN 4

Bincangkan tentang cek dan jenis-jenis pemalangan cek berserta kesan-kesannya berdasarkan undang-undang yang berkaitan.

(25 markah)

SOALAN 5

Bincangkan tentang perbandingan di antara Kontrak menurut Islam dan Kontrak dibawah Akta Kontrak 1950

(25 markah)

[75 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

